



PELANCARAN DASAR KOMUNITI NEGARA



Pada 17 Februari 2019 yang lalu, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah menyempurnakan pelancaran Dasar Komuniti Negara bertempat di Padang Awam Taman Puchong Indah, Puchong, Selangor. Dasar Komuniti Negara ini pada awalnya telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 23 November 2018.

Dasar Komuniti Negara merupakan dasar untuk memberdaya komuniti setempat supaya terlibat secara aktif dalam usaha penyenggaraan dan pengurusan harta awam dan harta bersama serta membangunkan komuniti secara inklusif bagi mencapai kesejahteraan hidup dan pembangunan mampan. Pelaksanaan Dasar Komuniti Negara tertumpu kepada 8 kluster iaitu infrastruktur dan penyelenggaraan; kebersihan, alam sekitar dan kesihatan; keselamatan; pendidikan, kesedaran dan kemahiran; keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan bantuan seperti wanita, OKU, ibu tunggal, kanak-kanak, warga emas, dan daif; perkhidmatan sosial; keusahawanan dan perniagaan sosial; dan sukan dan rekreasi.

Antara objektif yang ingin dicapai melalui pelaksanaan Dasar Komuniti Negara adalah mendaya upaya anggota komuniti supaya mempunyai rasa kepunyaan, membentuk komuniti yang peka, memupuk kerjasama strategik antara komuniti dengan Kerajaan, NGO dan sektor swasta dan melahirkan lebih ramai pemimpin dan sukarelawan dalam kalangan komuniti perumahan berstrata.

Dalam usaha penggubalan Dasar Komuniti Negara, KPKT telah mengadakan beberapa sesi libat urus melibatkan kira-kira 400 orang pemegang taruh di peringkat Kerajaan Persekutuan, pihak berkuasa tempatan (PBT), Badan Pengurusan Bersama/Perbadanan Pengurusan (JMB/MC), badan bukan Kerajaan (NGO), penduduk perumahan berstrata dan individu berkepentingan. Pada tahun 2018, KPKT telah memulakan projek rintis pertama Dasar Komuniti Negara melalui Program Mendaya Komuniti dan Perasmian Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti di PPR Lembah Subang 2, Petaling Jaya, Selangor.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat